



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PUSAT PERLINDUNGAN TAK BERLESEN BOLEH DIDENDA, LOKAL, HARIAN METRO - 13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	SARAWAK SETS PINEAPPLE GOAL, NEWS, NEW STRAITS TIMES – 9	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
3.	e-PINEAPPLE SYSTEM TO DRIVE AGRO-DIGITAL SHIFT, NEWS, NEW STRAITS TIMES - 9	
4.	KERJASAMA NAFAS-KADA TINGKAT KECEKAPAN AGIHAN, NEGERI, SINAR HARIAN – 24	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) / PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
5.	RAIH RM13,000 SEBULAN HASIL TANAM KELAPA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 28	LAIN-LAIN
6.	ISYTIHAR JELAPANG PADI DAERAH KERIAN SEBAGAI KAWASAN BENCANA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2025	HARIAN METRO	NEGERI	22

KUTIP DANA HARAM

Pusat perlindungan tak berlesen boleh didenda

Seremban: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Sembilan mengesan pusat perlindungan haiwan tidak berlesen di negeri ini yang mengutip dan menyalahgunakan dana.

Dalam kenyataan semalam, DVS Negeri Sembilan berkata, kegagalan untuk mendapatkan lesen adalah satu kesalahan mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

"Kami menerima beberapa aduan berkenaan pengutipan dan penyalahgunaan dana oleh pre-

mis perlindungan haiwan yang tidak dilesenkan mengikut Akta 772.

"Kami memandang serius perkara ini dan ingin menegaskan kegagalan premis atau individu mendapatkan lesen bagi aktiviti ditetapkan adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 15 Akta 772.

"Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang RM15,000 dan tidak lebih RM75,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2025	NEW STRAITS TIMES	NEWS	9

Sarawak sets pineapple goal

RM23m to be used to expand farms, aid growers and modernise cultivation

SULOK TAWIE
KOTA SAMARAHAN
news@nst.com.my

SARAWAK's Food Industry, Commodity and Regional Development Ministry aims to expand pineapple plantations to 20,000 hectares by 2030, Minister Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom said yesterday.

He said about 2,199.43ha were planted with pineapples in the state.

"The target is achievable because Sarawak is not only rich in fertile land but also has strong potential in the high-value agricultural sector such as pineapple cultivation.

"Now, pineapple is no longer just a side crop, but is emerging as one of the drivers of the state's agricultural economy," he said at the meet-the-clients day organised by the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) to mark the National Pineapple Day.

The text of Rundi's speech was read by the ministry's permanent secretary, Datuk Sirai anak Daha.

However, he said the target would not be achieved without continuous efforts from all parties, adding that modern technology, digitalisation, and modernisation of agricultural practices were the key factors in ensuring the sustainability and



Sarawak's Food Industry, Commodity and Regional Development Ministry permanent secretary Datuk Sirai anak Daha (standing, fourth from left) and Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) director-general Mohd Khairuzamri Salleh (standing, third from left) with pineapple farmers at the meet-the-clients day organised by LPNM, in Kota Samarahan yesterday. NSTP PIX BY SULOK TAWIE

competitiveness of the pineapple industry — not only in the local market, but also globally.

"Most importantly, good cooperation between the state government and LPNM as the representative of the federal government must be upheld."

Rundi said through strategic cooperation between the state government and LPNM, various initiatives had been carried out, including the plantation incentive programme, farm infrastructure

and the study on pineapple waste for bioeconomic use.

He said this was in line with the government's direction in developing modern, smart and sustainable agriculture.

He added more than RM23 million had been allocated by LPNM this year for planting materials, farm infrastructure and pineapple waste research.

He said this was an opportunity for the people of Sarawak, especially young farmers who wanted

to make farming their main career.

The aid offered included the construction of a drainage system for better water control, a micro-irrigation system to ensure sufficient water for crops, the installation of fences for the safety of farm areas and the construction of farm roads to facilitate access and transportation of produce.

Temporary product storage facilities to maintain the quality of the fruit before marketing was

also available to farmers, he added.

Over 200 participants attended the meet-the-clients day event here yesterday.

It was organised to boost the relationship between LPNM and smallholders, agro-entrepreneurs, training institutions and the public.

LPNM director-general Mohd Khairuzamri Salleh said the meet-the-clients day was an important platform to deliver the latest information, opportunities in the pineapple industry and channel assistance and incentives to eligible target groups.

He said the programme aimed to boost public awareness about the potential of the pineapple industry in Sarawak.

"This meet-the-clients day is a strategic initiative to strengthen relationships and cooperation between stakeholders in the pineapple industry from plantation operators, researchers, producers, manufacturers to exporters with LPNM as the agency fully responsible for safeguarding the interests of the national pineapple industry," he said.

Participants included representatives of government agencies, pineapple entrepreneurs and those interested in cultivating the fruit.

Among the events included a briefing on the main varieties such as MD2, Moris and Sarawak Gold 1, as well as plant care guidelines according to good agricultural practices.

LPNM also provided exposure on pineapple farm management technology as well as information on the agricultural input assistance and pineapple entrepreneur schemes.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2025	NEW STRAITS TIMES	NEWS	9

EFFICIENT DECISION-MAKING

e-Pineapple system to drive agro-digital shift

KOTA SAMARAHAN: Sarawak's Food Industry, Commodity and Regional Development Ministry launched the e-Pineapple System yesterday to support more accurate and efficient decision-making.

Its minister, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom, said Sarawak was ready to face the challenges of digital transformation in the agro-food sector, in line with the agenda of the Sarawak Digital Economy Strategy.

"We at the ministry is striving to introduce digitalisation in all aspects of the industry," he said, adding that with the use of big data and analytics, the ministry could make more accurate and efficient decisions, from farm management to pineapple product processing.

He said researchers and educa-

tors played a very big role in providing the data and knowledge needed to ensure that every decision taken is based on the latest evidence and innovation.

"With this system, project administration becomes more efficient — farmer and production data can be collected directly and project monitoring can be carried out more transparently and quickly.

"This system will become the best example for other states."

He said researchers, educators, planters, pineapple product entrepreneurs as well as companies had an important role in boosting the industry.

"Cooperation between the public and private sectors, researchers and entrepreneurs is a very important step for us to achieve success together."



Sarawak's Food Industry, Commodity and Regional Development Ministry's permanent secretary, Datuk Sirai anak Daha (centre), launching the e-Pineapple System in Kota Samarahan yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Pacu ekosistem pertanian mampan, inklusif dan pesawah terima manfaat

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Kerjasama NAFAS-KADA tingkat kecekapan agihan

Kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mampu memperkukuh sektor pertanian dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan negara.

Usaha itu juga dapat memantapkan rantaian bekalan makanan dan kaedah pertanian lebih tersusun dan strategik.

Pesawah di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Tumpat, Mohd Zaidi Abdul Rahman, 45, mengakui mereka dapat meningkatkan ilmu mengenai kaedah tanaman padi dan penggunaan baja.

Mohd Zaidi yang berpengalaman selama 33 tahun sebagai pesawah berkata, banyak fasiliti yang disediakan oleh NAFAS mampu menyelesaikan masalah mereka.

"NAFAS banyak berfungsi sebagai pemudah cara kami jika ada masalah berhubung pertanian melibatkan tanaman padi," katanya ketika ditemui pada Program Tautan Tani NAFAS anjuran bersama KADA di sini, pada Khamis.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi



Khalid (duduk, tengah) bersama tetamu dan peserta Program Tautan Tani.

KADA, Khalid Abd Samad. Hadir sama Timbalan Pengurus Besar (Operasi) NAFAS, Saripol Baharin Karim dan Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa.

Sementara itu, seorang pesawah wanita dari PPK Puteri Saadong, Normah Abdullah, 57, memuji usaha NAFAS yang mengagihkan baja berkualiti tinggi.

"Kami sentiasa menerima maklumat terkini melalui KADA dan NAFAS supaya

tidak ketinggalan dalam pertanian," katanya.

Normah yang menjadi ahli PPK sejak berusia 18 tahun banyak menerima bantuan penternakan dan pertanian daripada kedua-dua pihak.

Bagi Ruhiddin Hamzah, 55, yang mengambil alih sawah milik keluarga sejak berusia 21 tahun bersyukur kerana kini menjadi sumber rezeki utamanya.

Menurut Ruhiddin, subsidi baja yang

disediakan NAFAS juga antara manfaat penting yang menggalakkannya meneruskan bidang pertanian.

Sementara itu, Khalid berkata, kerjasama Program Tautan Tani penting kerana menjadi platform yang mampu memperkukuhkan hubungan antara agensi serta memartabatkan sektor pertanian negara secara keseluruhannya.

Jelas beliau, dalam usaha memastikan keterjaminan makanan bagi rakyat di negara ini, sudah pasti kebergantungan bersama di antara KADA dan NAFAS merupakan satu langkah yang tepat.

"Saya yakin gabungan kepakaran dan pengetahuan yang dimiliki KADA dan NAFAS mampu menjadikan impian kita untuk memastikan keterjaminan makanan negara dapat dicapai," katanya.

Jelas beliau, keupayaan membangunkan kawasan dan modal insan oleh KADA serta kekuatan logistik dan rantaian bekalan input pertanian oleh NAFAS mampu mewujudkan satu ekosistem pertanian yang lebih mampan, produktif dan berdaya saing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



ABU HASSAN Abdullah menunjukkan kelapa jenis Sungai Gulang-Gulang di kebun miliknya di Kampung Lebu di Bentong, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

Raih RM13,000 sebulan hasil tanam kelapa

BENTONG: Siapa sangka hanya dengan menanam kelapa jenis Sungai Gulang-Gulang (SGG), seorang usahawan desa mampu meraih pendapatan mencecah RM13,000 sebulan tanpa bergantung kepada orang tengah atau bantuan modal besar.

Bermula secara kecil-kecilan dengan hanya 500 pokok di Kampung Lebu, di sini, Abu Hassan Abdullah, 55, kini membuktikan tanaman kelapa mampu menjadi sumber kekayaan baharu jika diusahakan dengan strategi dan

inovasi produk.

Beliau yang juga ahli Persatuan Usahawan Kelapa Malaysia, kini menjual lebih 7,800 biji kelapa segar setiap minggu yang dituai sendiri dan dipasarkan secara terus kepada pelanggan.

“Pada mulanya memang mencabar. Modal besar sebab benih kelapa SGG mahal, pagar kebun pun kena kukuh sebab gangguan haiwan liar. Tapi saya sabar tiga tahun pertama, apabila pokok mula berbuah, saya tekad jual sendiri.

“Sekarang saya jual terus kepada pelanggan melalui warung dan restoran, termasuk di Restoran Lepak King yang saya bantu bangunkan dari segi logistik dan bekalan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Selain menjual kelapa segar pada harga sekitar RM2.50 sebiji, Abu Hassan menghasilkan pelbagai produk nilai tambah seperti jeli kelapa, air kelapa botol, santan segar serta benih kelapa untuk penanaman baharu.

Isytihar jelapang padi daerah Kerian sebagai kawasan bencana

Oleh **WAT KAMAL ABAS**
utusannews@mediamulla.com.my

BAGAN SERAI: Kawasan jelapang padi daerah Kerian di sini perlu segera diisytihar sebagai kawasan bencana berikutan musim panas yang menjejaskan bekalan air akibat paras air Tasik Bukit Merah yang surut.

Gesaan itu hadir daripada Persatuan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) yang melihat pengisytiharan darurat membolehkan pesawah membuat tuntutan perlindungan di bawah Skim Takaful Tanaman Padi untuk pesawah mendapatkan bantuan.

Menurut Timbalan Pengerusi Pesawah, Azhar Hashim, masalah kekurangan bekalan air ke sawah di Kerian semakin kritikal akibat sumber air untuk pertanian daerah ini iaitu Tasik Bukit Merah semakin surut disebabkan cuaca panas.

"Kami memohon agar kerajaan segera mengisytiharkan kawasan padi Kerian sebagai ka-

gol, Razman Zakaria berkata, pihaknya mengesan berlaku kebakaran hutan tanah gambut di beberapa tempat di kawasan Tasik Bukit Merah.

Menurutnya, paras air yang terlalu cetek telah menukar kawasan berair menjadi daratan kering sekali gus mudah terbakar apabila terdedah kepada cuaca panas melampau.

"Saya sendiri telah meninjau keadaan tanah gambut di tepi tasik yang terbakar. Kebakaran dikesan sejak beberapa hari lalu.

"Kerajaan wajar mengambil peluang ketika musim kering untuk melaksanakan kerja-kerja mendalamkan tasik ini kerana ia lebih mudah dilakukan ketika air cetek.

"Keadaan ini sepatutnya dimanfaatkan untuk mendalamkan kawasan kolam kerana apabila musim hujan tiba nanti, kapasiti takungan air akan menjadi lebih besar dan dapat menampung keperluan pengairan sawah," katanya.

Mengulas kekurangan beka-

lan air untuk pesawah, Razman yang juga Ketua Pembangkang DUN Perak berkata, masalah itu semakin kritikal yang menyebabkan beberapa blok penanaman di Kerian kini kering kontang.

Beliau berkata, anak padi yang baru ditanam berusia sekitar 50 hari sudah tentu akan terjejas ketumbarannya berikutan ketiadaan air dalam sawah.

"Untuk itu kerajaan perlu sediakan peruntukan khas bagi bantuan bencana kepada pesawah-pesawah yang tidak mendapat hasil langsung atau mengalami kemerosotan ketara," katanya.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan penyusutan air di Tasik Bukit Merah yang berlaku setiap kali musim kemarau menjejaskan 8,800 pesawah melibatkan kawasan seluas 12,400 hektar di Mukim Bagan Serai, Gunung Semangol dan Selinsing.

Tasik seluas 40 kilometer persegi itu merupakan nadi utama sumber pengairan di Kerian.



KAWASAN tepi Tasik Bukit Merah yang terbakar ketika tinjauan di Bagan Serai, Perak, semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

wasan bencana. Ini untuk membolehkan pesawah yang terke-

surusan di bawah skim takaful

bolehkan pesawah yang terke-

surusan di bawah skim takaful

yang disediakan," katanya ke-

padu *Utusan Malaysia*.

Ahli Dewan Undangan Ne-

geri (ADUN) Gunung Semang-